



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ هَالِ اَلْاَهْوَالِ اَلْاِغَامَةِ اِلِسْلَامِ نِغَرِي سَابَاڤْ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

25 ZULKAEDAH 1446H / 23 MEI 2025M

“BULAN ZULHIJJAH: MARI BERAMAL SOLEH”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنَّىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾ (النحل: 97)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan takwa yang sebenar-benarnya dan melaksanakan segala perintah serta meninggalkan segala apa yang dilarang. Sesungguhnya semulia-mulia manusia di sisi Allah SWT ialah orang yang bertakwa.

Bersempena dengan ketibaan bulan Zulhijjah kali ini khatib ingin mengajak jemaah sekalian bersama memberikan perhatian bagi mengambil sedikit ilmu sebagai bekalan hidup daripada khutbah yang bertajuk **“Bulan Zulhijjah: Mari Beramal Soleh”**.

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Zulhijjah adalah bulan ke 12 dalam taqwim tahun Hijrah dan termasuk dalam 4 bulan-bulan suci iaitu Zulkaedah, Zulhijjah, Muharam dan Rejab. Bulan Zulhijjah sangat istimewa bagi umat Islam kerana dalam bulan ini terdapat amal ibadah dan amal soleh yang sangat dianjurkan umat Islam melakukannya seperti ibadah

haji, ibadah korban, hari Arafah, hari raya Aidil 'Adha, hari-hari *tasyrik*, keutamaan malam yang ke-sepuluh awal bulan Zulhijjah dan lain-lain lagi.

Firman Allah SWT dalam surah al-Fajr ayat 1- 2:

وَالْفَجْرِ ۝ وَلَيَالٍ عَشْرٍ ۝

Maksudnya: *“Demi waktu fajar; Dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah)”*.

Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menjelaskan mafhum ayat ini: *“Yakni malam yang sepuluh dari awal bulan Zulhijjah, atau sepuluh yang akhir dari bulan Ramadan; yang berkelebihan dan disuruh membanyakkan amal ibadat pada masa tersebut”*.

Terdapatnya fadilat serta kelebihan beramal ibadah pada hari-hari tersebut kerana ganjaran pahalanya yang besar dan berkali ganda. Mudah-mudahan ia dapat menambahkan lagi timbangan pahala amal soleh kita yang akan menjadi bekal di akhirat kelak, in shaa Allah. Firman-Nya dalam surah an-Nahli ayat 97:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Maksudnya: *“Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.”*.

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Mafhum ayat dari surah an-Nahli ayat 97 pada permulaan khutbah ini menjelaskan bahawa: *“Lelaki atau perempuan yang mengerjakan amal-amal soleh, sedang dia tetap beriman hingga akhir hayatnya, maka Allah akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik di dunia dengan menikmati sepenuh-penuh kebahagiaan meskipun dia hidup miskin; dan di akhirat pula dia akan beroleh sebaik-baik balasan.*

Sedang orang-orang kafir atau orang-orang yang tenggelam dalam maksiat, akan dihidupkan di dunia dalam keadaan resah gelisah dan tidak tenteram jiwanya, walaupun mereka kaya raya; dan di akhirat pula akan beroleh seburuk-buruk balasan dengan sebab kekufurannya atau maksiat-maksiat yang dilakukannya". (hal. 659)

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Sehubungan itu umat Islam dianjurkan untuk melakukan amal soleh dan amal ibadah pada 10 hari awal di bulan Zulhijjah, antaranya seperti berikut:

Pertama: Melaksanakan Puasa Sunat

Islam menggalakkan umatnya berpuasa sunat pada 10 hari pertama di bulan Zulhijjah, sebagai tanda tunduk patuh dan pengabdian kita kepada Allah SWT.

Manakala puasa sunat yang dianjurkan kepada kita bermula 1 Zulhijjah, puasa Isnin dan Khamis, puasa sunat Tarwiyah (8 Zulhijjah) dan terutama puasa sunat Hari Arafah (9 Zulhijjah).

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA dari Nabi SAW bersabda **maksudnya:** *"Tiada dari hari-hari yang dikasihi oleh Allah supaya dilakukan ibadah pada hari-hari tersebut daripada sepuluh hari yang awal dari bulan Zulhijjah yang mana ganjarannya menyamai berpuasa setiap hari daripadanya selama setahun dan mendirikan ibadah pada setiap malam daripadanya menyamai beribadah pada malam lailatul qadar."* (HR Imam al-Tirmizi)

Kedua: Amalan Zikir dan Doa

Allah SWT berfirman dalam surah al-Hajj ayat 28:

لِيَشْهَدُوا مَنَفِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ

Maksudnya: *"Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah pada hari-hari yang tertentu..."*

Ayat ini menjelaskan tentang hari-hari tertentu dalam ayat ini, iaitu: Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban (10 Zulhijjah) dan hari-hari berikutnya (11,12 dan 13 Zulhijjah) yang dituntut supaya disambut dan diisi dengan takbir dan tahmid.

Dalam sebuah hadis *marfu'* riwayat Ibnu Umar menyatakan yang **bermaksud**: "*Banyakkanlah tahlil, takbir dan tahmid sepanjang tempoh tersebut.*" (HR Imam Ahmad dan al-Baihaqi)

Seterusnya umat Islam juga dianjurkan agar memperbanyakkan berdoa di bulan Zulhijjah. Walaupun kita tidak dapat bersama dengan para jemaah haji yang berhimpun dan memperoleh kemuliaan berwukuf di Padang Arafah di Tanah Suci, tetapi kita juga dianjurkan untuk sama-sama berdoa dan beramal soleh walau di mana jua kita berada.

Sebagaimana Nabi SAW bersabda, **maksudnya**: "*Sebaik-baik doa adalah pada hari Arafah.*" (HR al-Tirmizi)

Manakala waktu paling afdhal berdoa adalah selepas gelincir matahari 9 Zulhijjah sehingga sebelum terbit Fajar 10 Zulhijjah.

JEMAAH JUMAAT YANG BERIMAN DAN BUDIMAN,

Ketiga: Melaksanakan Solat Sunat Aidil Adha

Hari Raya Korban merupakan hari raya paling agung dan banyak kelebihannya. Pada hari itu, umat Islam yang mengerjakan ibadah Haji akan berkumpul pada tempat dan waktu yang mulia iaitu di padang Arafah. Selepas itu diikuti dengan hari *Tasyrik* iaitu 11,12 dan 13 Zulhijjah.

Pada hari tersebut tiada perbezaan antara yang kaya dan miskin, semua akan menyambut hari raya dalam keadaan yang sama, sepertimana yang dijelaskan dalam Hadis Uqbah bin 'Amir bahawa Nabi SAW bersabda yang: "*Hari Arafah, Hari Raya Korban, dan hari tasyrik adalah kesemuanya hari raya bagi umat Islam, ia merupakan hari makan dan minum.*" (HR al-Tirmizi, Abu Daud, al-Nasaie, Imam Ahmad)

Keempat: Melaksanakan Ibadah Korban

Ibadah Korban adalah ibadah yang sangat dianjurkan kepada umat Islam yang berkemampuan melakukannya kerana ibadah korban menyembelih haiwan ternakan ini adalah ibadah yang lebih disukai oleh Allah SWT.

Sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam hadis daripada Aisyah RA, bahawa Nabi SAW bersabda **maksudnya:** “Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak adam pada hari al-Nahr (Raya Aidiladha) yang lebih dicintai oleh Allah selain daripada menumpahkan darah (binatang korban). Sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat dengan tanduknya, bulunya dan kukunya dan sesungguhnya darah tersebut akan sampai kepada redha Allah SWT sebelum ia jatuh ke bumi. Maka, bersihkanlah jiwa kamu (dengan berkorban).” (HR al-Tirmizi)

Demikianlah, pesan mimbar kali ini tentang kelebihan beramal soleh dan beramal ibadah di awal bulan Zulhijjah. Kerana itu marilah kita bersama-sama merebut peluang yang datang sekali dalam setahun. Mudah-mudahan tahun ini merupakan tahun yang lebih baik bagi umat Islam dalam kehidupan, amal ibadah dan dalam apa jua perkara duniawi mahupun ukhrawi kita, in shaa Allah.

Allah SWT berfirman menerusi surah al-Kauthar ayat 2:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ۝

Maksudnya: “Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،
أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ
وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي فَاذُوك بَكِينِدَا يَغْ
دَفَرْتَوَانِ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفَرْتَوَا
نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ
رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.